



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426
 ukk@dof.gov.my
 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(180)

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL myAGROPRENEUR PERIKANAN (myAP) DAN myKOMUNITI PERIKANAN (myKP) DAN JELAJAH PERIKANAN RASA- RASA AKUAKULTUR PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

PUTRAJAYA, 3 NOVEMBER 2024 – Majlis Pelancaran Karnival Usahawan myAgropreneur Perikanan (myAP) dan myKomuniti Perikanan (myKP) melalui Jelajah Perikanan Rasa-Rasa Akuakultur Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 disambut dengan meriah di Anjung Floria, Putrajaya. Pelancaran, yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Perikanan Sedunia (HPS) 2024, telah disempurnakan oleh Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengumumkan pengeluaran myAP bagi tahun 2021 hingga 2024. Statistik DOF menunjukkan peningkatan purata pengeluaran mengikut tahap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi usahawan yang terlibat dalam program myAP. Program ini bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan PKS dalam sektor perikanan melalui pelbagai inisiatif sokongan dan pembangunan kapasiti.

Pengeluaran sektor perikanan oleh usahawan myAP telah menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan nilai jualan mencecah RM 62.69 juta setahun untuk 230 myAP. Di samping itu, program myKP yang melibatkan 246 peserta dengan jumlah ahli seramai 6522 telah berjaya menghasilkan pendapatan sebanyak RM 28.9 juta setahun. Peningkatan ini mencerminkan keberkesanan program usahawan Perikanan dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing usahawan tempatan. Jabatan Perikanan akan terus komited dalam menyokong perkembangan sektor ini melalui pelbagai program dan inisiatif dalam RMK13.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Sambutan yang berlangsung pada 3 November 2024 ini membuka peluang kepada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk memperkenalkan tiga produk inovasi yang dikeluarkan oleh usahawan myAP kepada pengunjung yang berpotensi untuk dikomersialkan. Antara produk yang diperkenalkan adalah sambal bilis oleh Syarikat Kuntum Kerjaya, Kuala Lumpur; tilapia rempah dari Syarikat ARC Berkat, Selangor dan keropok rumpai laut oleh Syarikat Tradisi Sinar, Melaka.

Sebanyak 19 myAgropreneur Perikanan (myAP) dan satu myKomuniti Perikanan (myKP) melibatkan tujuh negeri iaitu Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan menyertai acara ini. Program Karnival Usahawan myAP dan myKomuniti Perikanan myKP serta Jelajah Perikanan Rasa-Rasa Akuakultur yang dianjurkan sejak tahun 2022 telah memberikan manfaat yang besar bagi membantu usahawan, komuniti perikanan, dan penternak akuakultur.

Program Jelajah Rasa-rasa Akuakultur turut diadakan sebagai sebahagian daripada sambutan bagi mempromosikan produk akuakultur, dengan fokus khusus pada dua spesies tumpuan baharu: laktut dan ikan susu. Pengunjung berpeluang untuk melihat, merasa, dan menikmati pelbagai produk berasaskan akuakultur sekaligus meningkatkan kesedaran dan permintaan terhadap produk ini di pasaran serta memperluas penggunaan produk akuakultur dalam kalangan masyarakat.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha DOF untuk membangunkan dan memajukan produk perikanan dari sumber marin, darat, dan akuakultur. Melalui kerjasama semua pihak, DOF berkomitmen untuk terus memperkukuh industri dan meningkatkan taraf hidup masyarakat yang terlibat. Sambutan HPS 2024 menawarkan pelbagai aktiviti menarik dan peluang untuk meneroka kekayaan hasil perikanan tempatan sekaligus menyaksikan inovasi dan kreativiti yang mengubah wajah industri perikanan negara.

Pautan gambar :

https://drive.google.com/drive/u/1/folders/1S652y93AmaforsdEk8I94_Tnr6CkbGul

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my